

# Ketua balai tak mengaku salah minta rasuah

Dituduh terima suapan daripada pemilik pusat hiburan secara bulanan

Oleh NOR FARHANA YAACOB

MELAKA

**S**eorang ketua balai polis mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Khamis atas lima pertuduhan meminta dan menerima rasuah membabitkan nilai keseluruhan RM21,800 daripada pemilik pusat hiburan.

Tertuduh, Sub Inspektor Abdul Halim Alias, 59, membuat pengakuan itu selepas kesemua pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Elesabet Paya Wan.

Berdasarkan dua pertuduhan di bawah Seksyen 16 (a) (B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, dia didakwa secara rasuah meminta suapan wang tunai sebanyak RM8,000 dan RM1,000 secara bulanan.

Suapan itu sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan terhadap pemilik pusat hiburan, Restoran The Stage Music Lounge Plt, Hang Kah Joon di sini atas kesalahan melanggar pematuhan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian (PKPP).



Tertuduh (dua dari kiri) ketika keluar dari Mahkamah Sesyen Melaka pada Khamis.

Dalam prosiding sama, tertuduh turut berdepan tiga pertuduhan di bawah Seksyen 17(a) iaitu secara rasuah bersetuju memperoleh wang tunai sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan terhadap pemilik pusat hiburan itu atas kesalahan melanggar pematuhan PKPP.

Kesemua perbuatan itu didakwa dilakukan di Restoran The Stage Music Lounge Plt, Kota Shahbandar dan Balai Polis Tengkera di sini antara tarikh 4 dan 11 Ogos 2020.

Kesemua kesalahan itu memperturukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya SPRM,

Irwan Shah Abdul Samat mencadangkan jaminan sebanyak RM5,000 dengan seorang penjamin dengan syarat tambahan menyerahkan pasport kepada mahkamah dan melaporkan diri di pejabat SPRM Melaka.

Tertuduh yang diwakili Peguam Azrul Zulkifli Stork bersetuju dengan cadangan Timbalan Pendakwa Raya SPRM.

Mahkamah menetapkan jaminan RM5,000 dengan seorang penjamin dengan syarat tambahan menyerahkan pasport kepada mahkamah dan melaporkan diri di Pejabat SPRM Melaka setiap bulan sehingga kes selesai.

Mahkamah menetapkan 20 April sebagai sebutan semula kes.